

Masalah Buli Di Sekolah

Mohd. Aris bin Anis
Mohd. Noor bin Abd. Rashid

Abstrak

Kejadian buli di sekolah dewasa ini kian menjadi-jadi . Pelbagai kes dilaporkan di dada-dada akhbar dan keadaan ini amat membimbangkan bukan sahaja pihak individu, malah ibu bapa, sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan seterusnya Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian, masalah ini perlu dibanteras segera agar tidak menjadi barah yang mengancam keselamatan dan keharmonian sesebuah sekolah. Kertas kerja ini ditulis untuk menjelaskan beberapa aspek berkaitan dengan masalah buli di sekolah. Aspek-aspek yang akan diberi penekanan ialah definisi buli, jenis-jenis buli, mengenali ciri-ciri pembuli, mengenali ciri-ciri mangsa buli, statistik kes buli, faktor-faktor yang mendorong berlakunya kes buli, beberapa peringkat menangani masalah buli dan tatacara membuat aduan berkaitan kes buli disekolah.

Pengenalan

Masalah buli yang dilakukan oleh para pelajar selalu menjadi bebanan bukan sahaja kepada mangsa buli malah kepada ibu bapa, para guru, kaunselor dan pihak pentabir sekolah. Beberapa kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa pelajar yang melakukan kes buli ini mempunyai masalah terutama dari segi persekitaran, keluarga atau emosi. Masalah ini bukan sahaja boleh menjejaskan pencapaian akademik pelajar malah pelbagai kereh di dalam bilik darjah mengundang kepada ketidklancaran pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah di samping menimbulkan masalah kepada pihak pentadbir.

Definisi Buli

Menurut Kamus Dewan, Edisi ketiga – buli ditakrifkan sebagai;

- 1.1 Perbuatan mendera, mempermainkan seseorang, supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang baru.
- 1.2 Mempermain-mainkan orang, biasanya orang yang lemah, dengan tujuan untuk menggertak/menakutkan orang yang berkenaan.
- 1.3 Menurut The American Heritage ® Dictionary mengatakan “bully (noun); A person who is habitually cruel or overbearing, especially to smaller or weaker people”

2.0 Jenis-jenis Buli

Menurut Dr. Noran Fauzan – Universiti Pendidikan Sultan Idris beliau mengkategorikan jenis-jenis buli kepada:

2.1 Buli Fizikal Ekstrim

- 2.1.1 Pukul-memukul: menggunakan tangan atau objek kepada mangsa dilakukan secara berseorangan dan paling kerap dilakukan beramai-ramai. (Rujuk kes: kematian Mohamad Zulkarnain b. Abd. Rahim – tahun 1998, Tampoi, Johor Bahru) – Laporan bedah siasat mengatakan mangsa mengalami kecederaan bahagian dalaman abdomen akibat kesan tumbukan.
- 2.1.2 Sepak-terajang: menggunakan kaki sebagai instrumen untuk mencederakan mangsa. Instrumen pukul-memukul dan sepak-terajang merupakan pasangan instrumen yang paling kerap digunakan oleh pemangsa. (Rujuk kes terbaru Mohamad Afiq – Kuala Lipis Pahang) – Hasil siasatan pihak polis mendapati bahawa pelajar senior menggunakan kasut kadet polis semasa menendang/menyepak mangsa.

- 2.1.3 Menggunakan senjata seperti pisau (rujuk kes seorang pelajar tingkatan 6 menikam teman wanitanya yang mengandung 8 bulan sehingga menyebabkan kandungan bayi meninggal dunia)
- 2.1.4 Mengurut/memicit: biasanya berlaku dikalangan pelajar yang tinggal di asrama. Mangsa adalah pelajar junior.
- 2.1.5 Membasuh baju: memaksa pelajar junior untuk membasuh pakaian pelajar senior dan perkara ini banyak berlaku di sekolah berasrama.
- 2.1.6 Membeli makanan: pelajar senior memaksa pelajar junior membelikan makanan dengan memeras ugut duit pelajar junior
- 2.1.7 Mengugut: mangsa diugut dengan pelbagai cara dan tujuan sama ada untuk mendapatkan duit, aksesori seperti jam, rantai dan sebagainya.

2.2 Buli Psikologi

- 2.2.1 Mengejek/mencerca: ianya berlaku bukan sahaja dikalangan pelajar senior terhadap pelajar junior, malah dikalangan rakan sebaya turut berlaku. Mangsa yang diejek biasanya mempunyai kelainan pada nama yang pelik, fizikal yang kecil, rupa paras yang kurang menarik, mempunyai gelaran di luar sekolah kepada mangsa atau keluarga mangsa dan ianya memberikan tekanan psikologi kepada mangsa.
- 2.2.2 Memaki hamun: kata nista yang lucah atau sebutan (jargon) yang menghina dan jika dibalas akan membawa kepada buli fizikal pula.

3 Mengenali Ciri-ciri Pembuli (Pemangsa)

- 3.1 Terdiri daripada pelajar senior lelaki dan perempuan iaitu pelajar tingkatan enam, lima dan empat.
- 3.2 Bertubuh tegap, saiz fizikal yang menampakkan kekuatan fizikal.
- 3.3 Pernah mengalami peristiwa pahit menjadi mangsa buli semasa bergelar pelajar junior dan ingin membalas balas perbuatan itu.
- 3.4 Menurut Sigmund Freud mereka yang mengalami tekanan, deraan fizikal dan psikologi semasa zaman kanak-kanak kemudian apabila dewasa untuk menghilangkan tekanan dan perasaan (peristiwa) pahit itu maka ubatnya dengan membalaskan balik kepada orang lain.

4 Mengenali Ciri-ciri Mangsa (orang yang kena buli)

- 4.1 Terdiri daripada pelajar junior lelaki dan perempuan iaitu pelajar tingkatan satu, dua dan tiga.
- 4.2 Mempunyai saiz fizikal yang kecil yang dilihat sebagai lemah dan tidak kuat.
- 4.3 Mempunyai nama yang agak pelik/ganjil bukan sahaja kepada diri mangsa tetapi kepada keluarga mangsa, ataupun di kampungnya mempunyai gelaran yang lain.
- 4.4 Rupa paras yang kurang menarik, berkulit agak gelap (dilihat seperti budak kampung) tetapi mempunyai kakak angkat atau abang angkat senior yang baik
- 4.5 Ada juga yang mempunyai rupa paras yang menarik ada ketrampilan dan ini mewujudkan perasaan cemburi kepada pemangsa (pembuli).
- 4.6 Aktif kurikulum dan kokurikulum dan sering mendapat pujian/penghargaan pihak sekolah dan dilihat sebagai penghalang/menutup peluang pelajar lain.

5 Statistik Kes Buli

5.1 Dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

5.1.1 Tahun 2002 - Enam (6) kematian, 1,691 kes pelbagai kategori jenayah yang dilakukan oleh pelajar.

5.1.2 Tahun 2003 (Januari – Julai) – Tiga (3) Kematian, 1,662 kes dengan pelbagai kategori kesalahan jenayah yang dilakukan oleh pelajar.

Berdasarkan statistik Kementerian Pelajaran (dahulu Pendidikan) jumlah pelajar di seluruh negara sehingga 2003 adalah seramai lima (5) juta orang. Menurut pihak kementerian terdapat 176 kes ala samseng, 627 kes seksual dan 909 kes buli dan lain-lain lagi kes jenayah semuanya menyumbang kepada 0.03 atau dua peratus (2%) daripada lima (5) juta orang pelajar.

6.0 Faktor-faktor/Punca-punca Yang Mendorong Kepada Kejadian Membuli

6.1 Terlalu mengikut gelodak jiwa, yang menyebabkan tekanan perasaan/naluri ingin membalas dendam akibat perbuatan/peristiwa yang pernah pemangsa alami sebelum ini.

6.2 Tekanan/desakan rakan sebaya untuk bersama-sama membuli dan ingin mengurangkan risiko sekiranya perbuatan mereka diketahui.

6.3 Pemangsa kerap merasa tidak selamat, cemburu dan rasa tidak dihormati oleh pelajar junior, di mana mereka merasakan peranan mereka sebagai pemegang (ketua) mulai kurang (tidak di “respect”).

6.4 Mendapat kepuasan/keseronokan yang paling optima melihat kesengsaraan yang dialami oleh orang lain.

6.5 Kejayaan membuli menyebabkan pemangsa bahawa beliau diiktiraf oleh pelajar junior dan juga rakan sebaya pelajar senior dan secara tidak langsung sebagai ketua dan ada juga yang mengadakan majlis watikah pemegang jawatan ketua.

7 Menangani Masalah Buli.

Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Dr. Noran Fauziah Yaakub, Presiden Persatuan Psikologi

Malaysia, ke atas 2600 orang pelajar dari 26 sekolah, beliau mendapati bahawa mereka yang dilaporkan

terlibat dalam kegiatan membuli adalah tinggi. Secara keseluruhannya, menurut Timbalan Menteri

Pelajaran Malaysia, Datuk Hon Choon Kim bilangan kes terbabit masih berada di bawah paras 0.03 peratus

sahaja. Walaupun jumlahnya kelihatan kecil jumlah ini perlu dibendung agar tidak menjadi semakin parah.

Oleh yang demikian, adalah lebih baik kegiatan ini dibendung terlebih dahulu sebelum ia meningkat ke

tahap yang membimbangkan. Menurut Profesor Olweus dari Bergen Universiti Norway, beliau merupakan

pelopor dalam kajian masalah buli di dunia; “mengatakan sekiranya kes buli berlaku dalam lingkungan 10 –

15 peratus ia dianggap sebagai serius”.

Beberapa langkah yang drastik dan berkesan perlu diambil untuk menyelamatkan para pelajar dari menjadi mangsa buli. Untuk menangani masalah buli, berapa langkah mengikut peringkat boleh diambil.

7.1 Peringkat Pertama : Peringkat Individu.

Untuk mengatasi masalah buli pada peringkat ini Kementerian Pelajaran telah meminta para pelajar sentiasa berada dalam kumpulan. Hal ini akan menyukarkan pembuli untuk menjalankan aktiviti mereka. Di samping itu pelajar-pelajar juga dikehendaki menjauhkan diri daripada bergaul dengan murid yang berisiko tinggi dan kawasan berisiko tinggi. Untuk mempertahankan diri pula kementerian menyarankan agar para pelajar mempelajari seni mempertahankan diri supaya boleh melindungi diri mereka sendiri daripada dibuli dan yang lebih penting ialah pelajar itu sendiri mesti mempunyai kesedaran sama ada dirinya terlibat dengan kes buli atau tidak

7.2 Peringkat Ke dua - Peringkat Kelas

Bagi peringkat kelas pula, satu peraturan kelas berkaitan dengan toleransi sifar tentang buli perlu dibentuk. Peraturan tersebut hendaklah menyenaraikan semua tingkahlaku yang disifatkan sebagai tingkahlaku buli (fizikal, psikologi dan verbal) dan hukuman yang akan diterima jika ditangkap atau dilapor melakukannya. Setiap pelajar diberi peraturan tersebut dan mereka hendaklah menandatangani dokumen tersebut dan satu salinan disimpan dalam fail pelajar. Ibu bapa juga turut diminta menandatangani peraturan tersebut. Dokumen ini merupakan satu perjanjian tingkahlaku antara pelajar, ibu bapa atau penjaga dengan pihak sekolah. Guru-guru pula hendaklah sentiasa membincangkan isu-isu buli bersama pelajar.

7.3 Peringkat ke tiga – Peringkat Sekolah

Pada peringkat sekolah, pihak sekolah perlu mendapatkan maklumat tentang kes buli yang berlaku di sekolah sama ada dalam bentuk fizikal, psikologi atau verbal. Maklumat ini boleh diperoleh melalui soal selidik yang dilakukan kepada pelajar. Pelajar juga boleh menulis kes-kes buli yang telah mereka alami. Untuk mendapatkan respon yang baik tentang perkara ini, identiti pelajar hendaklah dirahsiakan.

Di samping itu, sekolah perlu mempunyai peraturan yang jelas berkaitan dengan buli. Penjelasan tentang peraturan-peraturan ini boleh dibuat dengan menampal poster anti buli dan mengedarkan risalah anti buli kepada setiap pelajar untuk dibaca bersama dengan ibu bapa. Maklumat yang terkandung dalam risalah tersebut perlu merangkumi konsep buli, beberapa petua mudah untuk menangani insiden buli, siapa yang boleh dihubungi apabila berlaku kes buli dan talian telefon atau alamat e-mel untuk melaporkan insiden buli.

Selain itu, satu jawatankuasa penyelarasi anti buli peringkat sekolah juga perlu dibentuk. Ahli jawatankuasa ini dianggotai oleh Pengetua, kaunselor, guru disiplin, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, wakil ibu bapa dan wakil pelajar. Mereka berperanan mengurus program anti buli dan menilai keberkesanannya. Perbincangan tentang buli juga hendaklah dimasukkan dalam agenda mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

Dalam peringkat sekolah ini juga, semua guru perlu sentiasa peka terhadap tingkah laku murid yang mencurigakan. Guru juga perlu sering memberi peringatan kepada pelajar supaya jangan bertindak sendirian terhadap sebarang gangguan. Guru bertugas dan guru disiplin pula perlu sentiasa membuat rondaan dan memastikan persekitaran sekolah adalah selamat. Kaunselor pula perlu mengenalpasti pelajar yang berisiko dan bersedia mengambil tindakan yang selanjutnya.

7.4 Peringkat Ke empat- Peringkat Ibu bapa

Peringkat ini merupakan peringkat yang paling penting. Ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dengan anak-anak, oleh itu adalah menjadi tanggungjawab mereka memberi didikan agama yang lengkap kepada anak-anak mereka. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Tarmizi, Rasulullah telah bersabda yang bermaksud ; *Tidak ada pemberian yang lebih baik yang diberikan oleh seorang bapa kepada anaknya yang lebih baik daripada pemberian adab yang elok*. Berdasarkan hadis ini, jelaslah bahawa ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik anak-anak.

Selain itu, ibubapa juga perlu memperuntukan masa yang berkualiti untuk mengikuti perkembangan anak-anak mereka. Mereka wajib menyediakan peralatan dan keperluan-keperluan pembelajaran yang mencukupi untuk mengelakkan anak-anak meminta atau meminjam dari rakan-rakan. Di samping itu mereka juga perlu mengamalkan budaya penyayang dan elakkan menggunakan bahasa yang kesat dan kasar serta sentiasa mendoakan kejayaan dan kebahagiaan keluarga.

7.5 Peringkat Kelima – Peringkat Jabatan Pelajaran Negeri

Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) boleh meniru langkah proaktif yang dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Pahang yang telah mewajibkan semua sekolah di bawah Kementerian Pelajaran di negeri itu menggubal satu prinsip antibuli dalam usaha membendung gejala itu di kalangan pelajar. Menurut Pengarah Pelajaran Pahang, Ahmad Azmey Abu Talib, prinsip antibuli ini apabila siap kelak akan dipamerkan di setiap sekolah untuk difahami oleh semua pihak khususnya pelajar.

7.6 Peringkat Ke Enam – Peringkat Kementerian Pelajaran

Pada peringkat ini pelbagai langkah boleh diambil untuk membendung gejala buli di sekolah antaranya ialah.

7.6.1 Mewujudkan Talian Hot Line, E-mel, Faks dan Surat.

7.6.2

Kemudahan yang diwujudkan boleh dimanfaatkan oleh semua pihak untuk membendung masalah buli yang berlaku di sekolah. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Chin Kim, dalam tempoh empat bulan selepas memperkenalkan langkah itu, kementerian telah menerima kira-kira 249 aduan berkaitan salah laku dan disiplin pelajar. Bagi tahun ini pula, dalam tempoh tujuh bulan pertama kementerian hanya menerima 40 aduan, termasuk 25 kes yang didedahkan oleh media massa. Mengikut beliau lagi, 38 kes telah diselesaikan manakala dua lagi masih dalam siasatan.

7.6.2 Membentuk Badan Pemantau Disiplin

Kementerian pelajaran juga telah mengambil langkah proaktif dengan membentuk satu pasukan pemantau yang akan turun padang bagi memantau disiplin sekolah seluruh negara. Sehingga kini 1336 buah sekolah (718 sekolah rendah dan 648 sekolah menengah) atau 14.3 peratus daripada jumlah sekolah rendah dan menengah telah dipantau oleh pasukan tersebut dan mereka dijangka membentangkan laporan sebelum tindakan lanjut diambil.

7.6.3 Kerjasama Dengan Kementerian Lain

Untuk mengatasi masalah disiplin dan buli ini, pihak Kementerian Pelajaran telah menjalin kerjasama dengan kementerian-kementerian lain. Sebagai contoh, pakar psikiatri di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan hospital-hospital universiti telah menawarkan kepakaran mereka untuk membantu pihak sekolah menangani kes-kes yang kerap terlibat dengan salah laku disiplin dan mempunyai tingkahlaku yang agak liar dan ganas. Melalui Jawatankuasa Bertindak Bagi Pendekatan Psikologi dan Kesihatan beberapa kursus juga akan diadakan untuk membantu guru bimbingan dan kaunseling bagi mengenalpasti murid yang memerlukan perhatian susulan dari pakar psikiatri ini.

Selain itu Kementerian Pelajaran juga akan bekerja sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyelesaikan beberapa kes yang memerlukan kepakaran jabatan tersebut. Kementerian Pelajaran mendapati bahawa Jawatankuasa Bertindak Bagi Pendekatan Masyarakat boleh memainkan peranan untuk meningkatkan pertukaran maklumat dan jalinan kerjasama antara Kementerian Pelajaran dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dari segi kajian pula, setakat ini beberapa kajian seperti kajian ponteng dan "help seeking Behaviour" sudah dijalankan oleh pakar psikologi Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, manakala Universiti Perguruan Sultan Idris pula telah menyatakan minat untuk mengadakan kajian gejala buli dan ketika ini masih dalam proses mengkaji terma-terma rujukan untuk kajian tersebut.

Di samping itu terdapat juga pihak seperti Rotary International yang telah menawarkan diri untuk membantu menggerakkan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah-sekolah dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Pasukan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan pihak sekolah. Selain memberi kesedaran kepada murid tentang pencegahan jenayah melalui ceramah, aktiviti perkhemahan dan program Rakan COP PDRM, pihak Rotary International juga sedang memikirkan kaedah-kaedah yang lebih kreatif dan menarik seperti Permainan Pencegahan Jenayah (Crimes Prevention Games). Buat masa ini, sepuluh buah sekolah di lembah Klang telah dipilih untuk terlibat dalam program ini dan pihak Kementerian Pelajaran berharap lebih ramai lagi pihak yang akan tampil kehadapan untuk mengadakan program-program seperti yang diusahakan oleh pihak Rotary International ini.

3.0 Tatabara aduan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan beberapa tatabara yang boleh diikuti oleh pelajar, guru dan ibu bapa dalam membuat aduan

3.1 Tatabara pelajar

- Melaporkan kepada guru sekiranya pelajar mengalami atau melihat sebarang bentuk perbuatan buli.
- Mengisi borang aduan

3.2 Tatabara Guru

- Menerima aduan
- Memastikan kebenaran aduan
- Menjalankan siasatan yang rapi terhadap kes yang dilaporkan
- Mengambil tindakan yang wajar, adil untuk kedua-dua belah pihak yang terlibat dengan memberi nasihat dan bimbingan

- Merekodkan semua kes yang disiasat
- 3.3 Tatacara ibu bapa
- Laporkan kes kepada pihak sekolah setelah menerima aduan atau dari sesiapa yang berkaitan
 - Mengisi borang aduan
 - Jika perlu bawa anak ke hospital untuk pemeriksaan lanjut
 - Hubungi pihak sekolah untuk memaklumkan tentang anak
 - Buat laporan polis jika perlu

9.0 Kesimpulan

Buli merupakan fenomena kurang sihat sihat yang memerlukan perhatian semua pihak. Masalah ini mungkin sukar dibendung sekiranya pelajar dan ibu bapa tidak bersedia menghulur tangan memberi bantuan kepada pihak sekolah. Gejala ini mesti segera di atasi dengan apa cara sekalipun yang pelajar dapat menikmati suasana pembelajaran yang kondusif dan seterusnya matlamat pendidikan negara akan tercapai.

Bibliografi

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003 *Konsep dan manual Sekolah Selamat. Panduan pelaksanaan menjadikan sekolah, komuniti dan keluarga selamat untuk kanak-kanak*. Bahagian Sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia

Hassan Langgulung. 1991. *Asas-asas pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Utusan Malaysia. 19 Julai 2005. Bilangan Kes Buli, Perasugut, Vandalisme Di Sekolah Masih Kecil

Utusan Malaysia 28 Jun 2005. Sekolah Wajib Gubal Prinsip Antibuli.

Berita Harian .19 Jun 2005,Maklumat Mangsa Buli Jadi Rahsia

Berita harian 15 Jun 2005.Kementerian Tidak Akan Kompromi Gejala Buli

Bernamea 15 Jun 2005. Sultan Pahang Siasat Kes Buli

Hurst,M. 2002. *When it coming to bullying, there are no boundaries*. Education Week. Vol 22 Page 8.

Kementerian Pelajaran Malaysia. Perkembangan Terkini Usaha Menangani Gejala Disiplin Murid . Kenyataan Akhbar 20 Mei 2005 Bahagian Teknologi Maklumat.